

BETASONE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Betasone Cream 0.1% w/w
2. Bagaimana Betasone Cream 0.1% w/w berfungsi
3. Sebelum menggunakan Betasone Cream 0.1% w/w
4. Cara menggunakan Betasone Cream 0.1% w/w
5. Semasa menggunakan Betasone Cream 0.1% w/w
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Betasone Cream 0.1% w/w
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Betasone Cream 0.1% w/w

Betamethasone valerate adalah kortikosteroid topikal aktif yang menghasilkan tindak balas yang cepat dalam keadaan keradangan kulit yang biasanya responsif terhadap terapi kortikosteroid topikal.

Bagaimana Betasone Cream 0.1% w/w berfungsi

Betamethasone 17 Valerate adalah kortikosteroid topikal dan merupakan agen anti-radang.

Sebelum menggunakan Betasone Cream 0.1% w/w

-Bila tidak boleh menggunakan:

- Jika anda ibu hamil.
- Jika anda ibu menyusukan anak.
- Jika anda mempunyai alahan (hipersensitif) terhadap Betamethasone atau bahan kandungan dalam ubat ini.

Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum anda mengambil mana-mana ubat.

-Sebelum mula menggunakan:

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang atau pernah menghidap penyakit/ keadaan berikut:

- Kemerahan di muka.
- Jerawat dan lebam kecil terjadi pada sekitar mulut.
- Luka kulit yang disebabkan oleh jangkitan virus (herpes simpleks, cacar air), jangkitan kulit

(kandidiasis, tinea) atau jangkitan bakteria (impetigo).

-Jika mengambil ubat-ubat lain:

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi.

Betamethasone sering berkesan dalam keadaan sukar dirawat dan peningkatan risiko paras kalium rendah dengan amphotericin (elakkan penggunaan bersamaan melainkan kortikosteroid diperlukan untuk mengawal reaksi).

Cara menggunakan Betasone Cream 0.1% w/w

-Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda boleh menasihati anda berapa banyak dos yang perlu setiap hari dan berapa lama anda mungkin perlu mengambilnya. Ini bergantung pada keadaan anda dan sama ada anda mengambil sebarang ubat lain.

Dos yang dicadangkan adalah seperti berikut:

Untuk kegunaan luar sahaja.

Kuantiti sedikit Betasone perlu disapukan ke kawasan yang terjejas. Betasone Cream sangat sesuai untuk permukaan lembab. Dalam jangkitan yang lebih susah dirawat seperti penebalan kulit psoriasis pada siku dan lutut, kesan Betasone boleh dipertingkatkan, jika perlu, dengan membalut kawasan rawatan dengan filem politena. Semalaman balutan biasanya cukup untuk membawa tindak balas yang memuaskan dalam keadaan tersebut, selepas itu pemulihan biasanya dapat diteruskan dengan penggunaan biasa tanpa balutan.

Penggunaan pada kanak-kanak:

Gunakan jumlah yang paling kecil untuk rawatan yang berkesan. Kanak-kanak mungkin lebih mudah terdedah daripada orang dewasa terhadap penindasan kelenjar adrenal dan sindrom Cushing kerana nisbah permukaan kawasan yang lebih besar kepada berat badan, peningkatan tekanan pada tengkorak juga telah

dilihat pada kanak-kanak yang menerima kortikosteroid topikal. Terapi berpanjangan boleh mengganggu pertumbuhan dan perkembangan.

-Bila perlu digunakan

Guna 1 hingga 3 kali sehari sehingga pemulihan diperhatikan. Sila ikut nasihat doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk jangka masa penggunaan.

-Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa sapu ubat ini, sapu sebaik sahaja anda teringat. Namun, sekiranya sudah hampir masa untuk penggunaan seterusnya, abaikan sapuan yang terlepas dan tunggu untuk menggunakan pada sapuan seterusnya. Jangan gandakan jumlah sapuan untuk menggantikan sapuan yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja menyapu terlalu banyak Betasone Cream 0.1% w/w, lap kan lebih krim tersebut.

Gejala-gejala terlebih dos Betasone Cream 0.1% w/w termasuk penyerapan sistemik yang boleh mengakibatkan penindasan adrenal (kekurangan hormon steroid).

Semasa menggunakan Betasone Cream 0.1% w/w

Perkara yang perlu dilakukan

- Gunakan krim ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Betasone Cream 0.1% w/w.
- Basuh tangan anda sebelum dan selepas menggunakan krim ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan beri Betasone Cream 0.1% w/w kepada orang lain walaupun mereka mempunyai gejala-gejala atau keadaan yang sama dengan anda.

BETASONE CREAM

Betamethasone Valerate (0.1% w/w)

- Hentikan penggunaan jika tindak balas kerengsaan atau sensitiviti terhasil.
- Jangan gunakan Betasone Cream 0.1% w/w untuk jangka masa yang lama dalam kuantiti yang banyak atau kawasan yang luas terutamanya untuk bayi dan kanak-kanak kerana penindasan adrenal lebih kemungkinan berlaku walaupun tidak dibalut.

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan pada kelopak mata mungkin menyebabkan peningkatan tekanan dalam mata.
- Jika terdapat sebarang penyebaran jangkitan, doktor anda akan memberhentikan penggunaan ubat ini dan preskripsikan ubat yang lain untuk merawat jangkitan.
- Penggalakan jangkitan bakteria oleh keadaan yang panas, lembap yang disebabkan oleh balutan dan kulit perlu dibersihkan sebelum menggunakan balutan.
- Muka, lebih daripada bahagian lain badan, terdedah kepada perubahan kulit selepas rawatan berpanjangan dengan kortikosteroid topikal yang kuat.
- Elakkan penggunaan yang berlebihan semasa mengandung.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Betasone Cream 0.1% w/w juga mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini walaupun tidak semua orang mendapatnya.

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan dibawah semasa mengambil ubat ini:

- *Tanda-tanda dan simptom-simptom Hypercorticism:*
 - Tanda regangan
 - Penipisan kulit dan pelebaran saluran darah di bawah permukaan kulit menjadi lebih ketara.
 - Tekanan darah tinggi
 - Berwajah merah dan bulat
 - Benjolan lemak antara bahu
 - Otot lemah
 - Tulang lemah
 - Jerawat
 - Kulit lemah yang sembuh dengan lambat. Kesannya lebih cenderung berlaku pada bayi dan kanak-kanak.
- Hipersensitiviti: kulit bengkak.

Dalam keadaan yang jarang berlaku, rawatan psoriasis dengan kortikosteroid (atau pemberhentian) dianggap telah menimbulkan nanah dari penyakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau tindak balas alahan terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel.:03-78835549 atau laman web npra.moh.gov.my (*Public Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Betasone Cream 0.1% w/w

-Penyimpanan

Pastikan bekas ubat tertutup rapat. Simpan di tempat kering bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya. Jauhi dari kanak-kanak.

-Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk:

Krim yang berwarna putih dan licin.

-Bahan-bahan

-Bahan aktif:

Betamethasone (17-Valerate).

-Bahan-bahan tidak aktif:

Methyl paraben, propyl paraben, liquid paraffin, cetomacrogol, white soft paraffin, cetostearyl alcohol dan purified water.

Nombor MAL

MAL19870604AZ

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Royce Pharma Manufacturing Sdn.

Bhd.

PT 1663, Nilai Industrial Estate, 71800

Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/07/2018

No Siri

NPRA(R4/1)190718/00203